

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH JAWAPAN : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan hasrat mengurangkan Air Tak Berhasil (*Non-revenue Water*) daripada kadar sekarang kepada 25% menjelang tahun 2020 tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan maklumat terkini daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), purata kadar Air Tidak Terhasil (*Non Revenue Water - NRW*) pada tahun 2015 ialah sebanyak 34.1 peratus. Kadar ini menurun sedikit berbanding purata pada tahun 2014 yang dicatatkan pada 35.6 peratus.
2. Seperti yang diketahui umum, faktor utama peningkatan NRW adalah kehilangan fizikal (kebocoran) yang berlaku dalam sistem bekalan air. Lanjutan daripada itu, SPAN telah meletakkan KPI berkenaan kesinambungan bekalan air; gangguan bekalan air dan kerosakan utama bagi memastikan pembaikan dan pemulihan sesalur bekalan dapat dilakukan dalam masa yang telah ditetapkan. KPI ini secara tidak langsung mendorong operator air untuk menangani kesemua aduan kebocoran dengan kadar segera. Selain itu, SPAN juga memberi perhatian terhadap aspek-aspek lain bagi membantu mengurangkan kadar NRW seperti berikut:
 - i. Memastikan bahawa setiap operator bekalan air memahami konsep secara menyeluruh strategi pengurusan kebocoran di dalam sistem rangkaian paip serta melaksanakan program NRW secara holistik dan berterusan;
 - ii. Memastikan setiap operator memberi penekanan serta keutamaan dalam menangani NRW, iaitu mewujudkan pasukan pengawalan

- kebocoran secara aktif termasuk tindakan pantas pembaikan kebocoran, memperkenalkan pengurusan tekanan di dalam sistem rangkaian agihan dan sistem pengurusan aset yang berkesan;
- iii. Memastikan produk-produk yang digunakan dalam sistem bekalan air berkualiti dan mematuhi standard tempatan dan antarabangsa; dan
- iv. Menjalankan audit teknikal ke atas program-program NRW yang dijalankan oleh operator.
3. Selain daripada itu, *Task Force* juga telah ditubuhkan diperingkat SPAN untuk mengkaji kelemahan pengurusan NRW sedia ada dan seterusnya mencadangkan amalan terbaik bagi pengurusan NRW berdasarkan kepada senario di Malaysia.
